

Warga kampus diingat selidik kesahihan berita

SEREMBAN 5 Feb. - Warga kampus perlu menyelidik latar belakang setiap berita sebelum mempercayainya agar pemikiran tidak dipesongkan dengan fahaman tidak betul.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, dalam era kemodenan teknologi, berita boleh diperoleh mudah dalam laman web sehingga ada ketikanya ia sengaja diada-adakan bagi menggugat keselamatan dan keamanan negara.

"Selaku golongan terpelajar, da-

lam Islam sekalipun kita dituntut selidik terlebih dahulu sumber sesuatu berita, perkhabaran mahupun cerita sebelum ternyata sah.

"Maka, saya nasihatkan warga kampus terutama mahasiswa yang duduk di menara gading ini, jangan mudah terpedaya, percaya dan akur dengan setiap berita itu sebelum diselidiki kebenarannya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains

Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini semalam.

Yang turut hadir Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mat Ali Hassan serta penganjur USIM.

Dalam pada itu, kata Mohamad, mahasiswa pula perlulah keluar daripada kepompong 'majoriti senyap' dan mengetahui apa yang berlaku dalam masyarakat, persekitaran negara dan sebagainya.

"Kita mahu mahasiswa ini mencambahkan idea dan sama-sama memajukan negeri dan negara. Kita tidak boleh berpolitik sepanjang masa. Ini adalah masa untuk bekerja dan bercakap soal kemajuan bangsa, agama dan tanah air," tegasnya.

Justeru katanya, mahasiswa jangan terlalu mengasingkan diri dan duduk dalam universiti sahaja, sebaliknya mesti bersama masyarakat menerangkan dasar dan kebajikan menjadi warganegara Malaysia

yang aman dan makmur ini.

"Hujah mahasiswa ini didengar, dipakai dan dihormati masyarakat. Jadi, berikanlah penerangan yang betul dan bercakaplah dalam konteks ilmu untuk kesejahteraan rakyat," kata Mohamad.

Pada masa sama juga, Mohamad mencadangkan supaya mahasiswa USIM melaksanakan program bersama masyarakat di 55 mukim yang terdapat dalam negeri ini dengan agendanya memperkasakan rakyat.